



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

**KERATAN AKHBAR**  
**22 FEBRUARI 2018 (KHAMIS)**

**AKHBAR**

**MUKA SURAT**

**Sinar Harian**

- Trek mendaki Bukit Saga ditutup sementara

21



**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
**BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT**  
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,  
PANDAN INDAH, SELANGOR,  
55100 KUALA LUMPUR

<b>KERATAN AKHBAR</b> <b>22 FEBRUARI 2018 (KHAMIS)</b>	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Trek mendaki Bukit Saga ditutup sementara
Muka Surat	21

## **Trek mendaki Bukit Saga ditutup sementara** SH 22/2/18 MS 21



Mohamad mengadakan mesyuarat dengan Persatuan Pendaki Bukit Ampang.

**TAMAN SAGA** - Trek mendaki ke Bukit Saga di sini masih ditutup sementara atas faktor keselamatan dan ia digantikan dengan laluan baharu di kawasan lain.

Laluan lama berkenaan terpaksa ditutup berikutan berlaku insiden insiden bongkah batu terjatuh di trek mendaki dalam kawasan Projek Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (Suke), Januari lalu.

Ahli Majlis Perbandaran Ampang Jaya, Mohamad Samat berkata, pihaknya telah mengadakan

mesyuarat dengan Persatuan Pendaki Bukit Ampang.

"Keputusan masih kekal, semua laluan mendaki dari Taman Saga terpaksa ditutup sepenuhnya kerana faktor keselamatan," katanya.

Beliau berkata penutupan sementara ini sehingga pihak Suke menyelesaikan kerja penstabilan cerun dalam kawasan pembinaan mereka.

"Saya dimaklumkan mereka juga akan menyediakan laluan atau trek selamat untuk pendaki Bukit Sagar iaitu anggaran siap dalam tempoh

setahun," katanya.

Beliau berkata, pihaknya turut mencadangkan Persatuan Pendaki Bukit Ampang Selangor merintis trek baru melalui Bukit Ampang dan memaklumkan laluan tersebut kepada agensi berkaitan seperti Jabatan Hutan Negeri Selangor.

"Trek cadangan ini tidak akan melintasi projek Suke, saya difahamkan bahawa laluan alternatif lain untuk ke Bukit Saga ini adalah melalui laluan trek Bukit Ah Pek, Taman Cheras Awana," katanya.